

28 MAR 1996

KONGRES CENDEKIAWAN MELAYU SAMBUT BAIK UCAPAN PM DI NEW ZEALAND

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Kongres Cendekiawan Melayu (KCM) menyambut baik ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menjelaskan kedudukan bangsa Melayu di New Zealand.

Setiausaha KCM Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh dalam kenyataan di sini hari ini berkata memang terdapat sarjana-sarjana dari barat dan timur yang sentiasa meremehkan dan memandang rendah terhadap kekuatan dan kegagahan bangsa Melayu dari dulu hingga sekarang.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ucapan Perdana Menteri pada majlis pelancaran Kerusi Pengajian Malayu di Universiti Victoria, di New Bangsa Melayu dan menghindarkan salah pengertian mengenainya oleh masyarakat antarabangsa.

Prof Dr Wan Hashim berkata ramai yang tidak mengetahui hakikat sejarah bahawa bangsa Melayu telah mula membina tamadunnya sejak dari awal kurun masihi dengan kewujudan beberapa kerajaan Melayu awal di Semenanjung Indo-China dan persisiran Pantai Timur Semenanjung Melayu seperti Kerajaan Indo-Kuno Champa, Kerajaan Funan dan Kerajaan Langkasuka.

Beliau berkata sebelum datangnya penjajah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris pada awal abad 18, bangsa Melayu yang mempunyai kekuatan dalam pelbagai bidang musnah dengan "diplomasi tipu helah" penjajah berkenaan.

Katanya, bagaimanapun, selepas mencapai kemerdekaan terutama menjelang sambutan penubuhan Umno ke-50 tahun nanti, pencapaian bangsa Melayu telah jauh meningkat dalam pelbagai bidang dan ini disegani oleh negara-negara membangun atau Barat. -- BERNAMA

HT CR